



Penyerahan Tugas Dekan SST

Artikel oleh: PM Dr. Baba Musta

Majlis penyerahan tugas Dekan SST di antara Mantan Dekan SST Prof. Dr Mohd Harun Abdullah dengan Pemangku Dekan, Prof. Madya Dr. Baba Musta telah diadakan pada 17 Ogos 2011 di Bilik Mesyuarat Utama, SST. Majlis ini telah disaksikan oleh Timbalan Pendaftar SST Pn. Sarlona J. Gindug, Penolong Pendaftar (Bahagian Akademik) SST Cik Mardena Jiwan, Timbalan Dekan SST (Penyelidikan dan Inovasi) P.M. Dr. Kawi Bidin dan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) Dr. Zaleha Aziz, Ketua-ketua Program dan Pegawai Sains. Majlis ini diadakan bertujuan untuk menyerahkan fail dan senarai tugas yang telah diamanahkan oleh Prof. Dr. Mohd Harun Abdullah kepada Pemangku Dekan SST Prof. Madya Dr. Baba Musta yang telah dilantik bermula pada 8hb Ogos 2011.

